

**PERANAN KATA-KATA PERBILANGAN
DI DALAM PERJALANAN ADAT PERPATIH**

OLEH:

ABDUL JABAR BIN KASSIM

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1974-75**

Perana Kata-Kata Perbilangan
Di dalam Perjalanan Adat Perpatih

Oleh:
Abdul Jabar Bin Kasin

Latihan Ilmiah
Untuk memenuhi sebahagian syarat-syarat
Ijazah Sarjanamuda Sastera dengan Kepujian
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur
1974-75

PENGHARGAAN

Membincangkan mengenai peranan kata-kata perbilangan di dalam Adat Perpatih adalah salah satu latihan ilmiah bagi membuat serta memenuhi syarat dalam memperoleh Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Persuratan (Sastera) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di dalam usaha menyempurnakan latihan ilmiah ini, saya sungguh terhutang budi kepada Cik Siti Hawa Haji Salleh yang telah memberikan nasihat serta bimbingan hingga berjaya terlaksananya latihan ilmiah ini.

Saya tidak lupa juga memberikan ucapan terima kasih kepada informan-informan terutamanya Encik Sharif, Encik Hassan dan Encik Sulaiman Kalam yang bersusah payah memberikan keterangan-keterangan mengenai Adat Perpatih. Juga saya tidak melupakan ucapan terima kasih kepada bapa saya sendiri iaitu Encik Kasim Bidin yang turut sama bersusah payah mencari serta menemui beberapa informan.

Saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang namanya tidak dicatitkan di atas segala pertolongan serta kerjasama yang diberikan.

Terima kasih.

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

ABDUL JABAR BIN KASIM

KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
BAB I	
1. Pendahuluan	1
2. Bidang Kajian	3
BAB II	
1. Asal usul Adat Perpatih di Negeri Sembilan	5
BAB III	
Perjalanan Adat Perpatih	
a) Adat dan Adat Istiadat	18
BAB IV	
Beberapa adapt istiadat yang terdapat di Negeri Sembilan	
a) Adat berlait dengan perkahwinan	30
b) Adat yang berkait dengan perceraian	52
c) Adat bertukar suku atau bersekadin	59
d) Adat istiadat 'berolek' (kenduri)	66
BAB V	
Kesimpulan.	

BAB IV

BEBERAPA ADAT ISTIADAT YANG TERDAPAT DI NEGERI SEMBILAN

A) Adat berkait dengan perkahwinan.

Perkahwinan dikenali juga sebagai semenda menyemenda. Orang lelaki yang telah berkahwin itu dikenali sebagai orang semenda. Sementara keluarga tempat ia pergi menyemenda itu dikenali pula sebagai tempat semenda. Di dalam Adat perpatih yang paling penting untuk berkahwin ialah pihak lelaki dan pihak perempuan itu mestilah terdiri dari dua suku berlainan. Perkahwinan dalam satu suku dianggap sumbang dan menjadi satu kesalahan adat.

Di Negeri Sembilan terdapat beberapa cara perkahwinan dan diantaranya ialah:

- i) Cara perkahwinan yang biasa
- ii) Perkahwinan sewaris atau satu suku
- iii) Serah menyerah
- iv) Bersalah-salah

Perkahwinan menurut cara yang pertama itu ialah cara yang lazim dijalankan. Cara (ii), (iii) dan (iv) adalah cara yang bertentangan atau dikatakan melanggar adat dan cara ini tidak digalakkan. Mereka yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan ini akan dikenakan membayar kesalahan adat. Di dalam perkahwinan, kata-kata perbilangannya juga memainkan peranan penting. Ia samada bertugas sebagai undang-undang atau syarat untuk perkahwinan, ataupun ia sebagai kebiasaan untuk permulaan kata. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peranannya di dalam perkahwinan ini, berikut ini diuraikan bentuk-bentuk perkahwinan di atas serta peranan kata-kata ini di dalamnya.

i) Cara perkahwinan yang biasa

Cara ini ialah yang lazim dijalankan. Selalunya ia dimulakan dengan pinang-meminang. Semasa pinang-meminang itu, lazimnya mereka menggunakan kata perbilangan yang tertentu. Perkataan atau kata-kata ini isinya adalah sama sahaja dan yang berbeza mungkin penyampaianya ataupun dikenali sebagai bunga-bunga kata itu sahaja. Di antara kata-kata yang selalu digunakan ialah:

Pergi sebuah sepermandian

Halaman sebuah sepermainan

Jamban sebuah seperulangan

Adat tidak menghambat

Hukum tidak menghalang

Yang baru mengadakan ipar ramai

Yang lama mengadakan anak pinak

Nan anak kecil dididik, dibesarkan

Sudah besar diserahkan mengaji, bernahu, bernazam

Yang perempuan pula di serahkan menangkap, menjahit, menyulam

Kecil dan gadang

Gadang dah sudah

Diserukan pula untungnya

Untung lelaki dicari-carikan

Untung perempuan dinanti-nantikan

Selalunya apabila hendak mengadakan pinang meminang, ungkapan-ungkapan di atas ini digunakan sebagai memulakan cakap. Kata-kata itu bukan sahaja digunakan oleh pihak lelaki tetapi juga oleh perempuan. Kata-kata ini adalah kata-kata simbolik ataupun kata-kata kiasan. Tetapi apa yang ataupun kata-kata kiasan. Tetapi apa yang penting ialah mereka mendengar itu dan dapat memahami apa yang hendak dikeluarkan oleh mereka.

Apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh kata-kata itu ialah menerangkan keadaan yang akan mereka hadapi di masa itu. Mula-mula mereka menyatakan bahawa mereka semuanya adalah terdiri dari satu rumpun bangsa dan mempunyai persamaan di dalam serba hal. Selepas itu dinyatakan pula bahawa dari segi adatnya serta dari segi hukum agamanya tidaklah ada apa-apa halangan. Di dalam ini nampak jelas akan peranan adat dan agama ke atas penghidupan mereka. Selepas menerangkan bahawa dari segi agama dan adatnya tidak ada apa-apa kesalahan, mereka pun mulalah membayangkan tujuan mereka itu.

Di dalam baris-baris berikutnya mereka mula menyebutkan atau membayangkan tentang nasib yang harus dilalui oleh tiap-tiap anggota masyarakat. Pertamanya mereka mengatakan bahawa tugas mereka yang telah dewasa ialah untuk menyambungkan lagi tali persaudaraan iaitu dengan mengadakan ipar lamai ataupun perkahwinan. Sementara mereka yang telah berkahwin pula pastikan telah mempunyai anak.

Bagi mereka yang mempunyai anak pula, mereka itu mempunyai tugas yang tertentu terhadap anak-anak mereka. Di dalam kata-kata ini nampak juga oleh kita akan nilai sosial mereka. Bagi kanak-kanak itu, adalah menjadi tugas ibu bapa untuk memberi mereka ilmu pengetahuan untuk bekal mereka dimasa hadapan. Di dalam hal ini kita lihat perbezaan yang ada di antara pengetahuan yang dibekalkan kepada lelaki dan kepada perempuan. Yang lelaki dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang berguna untuk mereka untuk hidup di dalam masyarakat dan juga sebagai pemimpin anggota keluarganya. Untuk yang perempuan pula ia dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang membolehkan mereka menguruskan keadaan rumah tangganya.

Mereka meneruskan lagi dengan mengatakan bahawa kanak-kanak itu akhirnya besarlah sudah. Kerana anak itu telah dewasa, adalah tugas ibu bapa untuk mencari jodoh mereka. Di dalam mencarikan jodoh ini adalah tugas pihak keluarga yang mempunyai anak lelaki untuk mencarikan pasangan untuk anak mereka itu. Bagi mereka yang mempunyai anak perempuan pula, mereka hanya menanti-nantikan risikan dari pihak lelaki.

Begitulah lebih kurang maksud yang terdapat di dalam kata-kata di atas. Kata-kata itu adalah permulaan kata sahaja yang digunakan oleh kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Bagi pihak lelaki, selepas mula dengan kata-kata di atas, ia menyambung lagi dengan kata-kata berikut:

Saya ini untung kepada anak lelaki
Maka saya cari-carikan
Serantau hulu serantau hilir
Maka terjumpalah
Kok muka nan jernih
Kok rambutnya nan licin
Kok lenggangnya nan laju
Berjalan serentak dua degumanya
Seliuh dua lambainya
Bagai geleng cupak hanyut
Bagai itik nila pulang petang
Diteguk adat tidak melintang
Pucuk tidak teramapaian
Maka dijalankan risik nan berdesus
Duai nan merangkak
Sehelai akar ditetas
Selingkah tanah terbalik
Kayu ditetakkan gelegar
Akar ditetaskan penjalin
Tanah sebingkah kan perata

Tanahnya lata air jernih
Tanam-tanaman menjadi negeri sentiasa
Janji dibuat dimuliakan
Dalam janji digaduhkan
Sampai janji ditepati

Beginilah di antara lain kata-kata yang akan dikeluarkan oleh Buapak dari pihak lelaki itu semasa membincangkan perkahwinan anak buahnya itu.

Setelah memulakan kata-kata seperti yang kita lihat pada awal tadi, pihak lelaki meneruskan lagi kata-katanya dengan menerangkan tujuannya sebenar. Ia telah mengatakan bahawa pihaknya telah mencarikan jodoh untuk anak buahnya itu, dan akhirnya berjumpalah dengan anak gadis yang dimaksudkan itu. Ini diikuti pula dengan puji-pujian terhadap sifat anak gadis yang dipinang itu. Puji-pujian ini bukan setakat keindahan wajahnya sahaja tetapi juga terhadap tingkah lakunya. Kiasan yang digunakan itu menggambarkan tatatertib serta tingkah laku yang lemah lembut yang ada pada anak gadis tersebut.

Apabila telah bertemu dengan gadis yang dicari-cari, dan dilihat pula dari adat dan agama tidak terdapat halangan, diadakan risik di antara keluarga lelaki dan perempuan. Risik itu hendak menentukan sama ada pihak gadis itu masih belum dilamar dan untuk mencari persetujuan di antara kedua-dua keluarga. Setelah mendapat persetujuan di antara kedua-dua pihak itu, usaha yang lebih besar lagi dijalankan. Inilah yang dikatakan pula 'duai nan merangkak', iaitu risikan yang diadakan pula oleh saudara mara di antara kedua-dua pihak.

Setelah mendapat persetujuan dari sanak saudara lelaki itu, cincin pertunangan pun dihantar dan janji pun dibuat di antara kedua-dua pihak. Janji yang dibuat itu mesti dimuliakan. Apabila janji telah dibuat ia mestilah digaduhi. Apa yang digadyhi ialah, kerja-kerja untuk melangsungkan perkahwinan itu mestilah dilakukan. Apabila telah sampai masa yang dijanjikan itu nanti, mereka

mestilah menepati janji yang dibuat. Inilah di antara lain ucapan dari pihak lelaki semasa mereka menghantarkan cincin untuk meminang itu.

Setelah sudah Buapak dari pihak lelaki memberikan ucapannya itu pihak perempuan akan menjawabnya pula. Ia akan memulakan kata-katanya seperti yang terdapat pada bahagian yang telah dibincangkan terdahulu dari ini. Selepas itu mereka akan menyambung lagi dengan mengatakan:

Saya ini untung kepada anak perempuan
Maka saya nanti nantikan
Sehari nan dua
Sebulan nan setengah
Maka terdengarlah risik dan berdesus
Duai nan merangkak
Gamit nan kecap
Terpancar pulalah kilat nan memancar
Jauh saya jemputkan
Dokek saya kampungkan
Jauh sudah dating
Dokek sudah terkampung
Usaha sekata
Kata dibalikkan
Janji dibuat
Janji dibuat digaduhkan
Sampai janji ditepati

Kata-kata ini menerangkan bagaimana pihak perempuan menghadapi perkara tersebut. Bagi pihak perempuan, apabila anak gadis mereka meningkat dewasa, mereka mulalah menanti-nantikan jodoh untuknya. Semasa menanti-nanti itu, terdapatlah risikan dari pihak lelaki. Apabila telah diadakan risikan di antara kedua-dua pihak, disampaikan pula pada saudara-saudaranya dan usaha

untuk meminang pun diadakan. “Kilat nan memancar’ itu ialah yang dimaksudkan kepada cincin tanda yang telah dihantar terdahulu sebelum ini.

Pada hari tersebut, ia pun mengumpulkan semua sanak saudaranya untuk menyaksikan cincin serta istiadat meminang itu. Disamping itu pihak perempuan juga telah mengumpulkan sanak saudaranya itu untuk mencari persetujuan terhadap pinangan itu. Kerana mereka semuanya telah bersetuju terhadap pinangan itu, maka terdapatlah ‘usaha sekata’. Usaha sekata ialah kebulatan suara di antara sanak saudara itu samada menolak atau menerima pinangan itu. Jika telah didapati usaha sekata menerima pinangan tersebut, mereka pun memberilah persetujuan itu kepada pihak lelaki dan ini dinamakan ‘kata dibalikkan’.

Setelah kata dibalikkan kepada pihak lelaki bahawa pinangan mereka itu telah diterima, janji pun dibuatlah untuk menentukan hari perkahwinannya. Janji yang mereka buat itu mestilah ditepati dan semasa di dalam janji itu, usaha-usaha untuk melangsungkan perkahwinan itu pun diadakan. Segala persiapan serta kelengkapannya mesti dibuat. Apabila telah sampai pada hari yang dijanjikan itu nanti, ianya mestilah ditepati.

Apabila pinangan telah diterima, cincin Tanya mestilah dipulangkan kepada pihak lelaki. Pihak perempuan hanya menyimpan cincin pertunangan itu sahaja.

Semasa pertunangan, ada kemungkinan berlakunya ‘helah’ kepada salah satu pihak itu. Andainya berlaku, ada satu perbilangan yang menjadi syarat untuk menentukannya.

Helah lelaki tanda loncor

Helah perempuan tanda ganda

Jika pihak lelaki yang membuat helah tidak mahu meneruskan janji yang telah dibuat dahulu, tanpa satu-satu alasan yang memuaskan maka hilanglah segala wang adat kahwin atau segala tanda pertunangan yang telah dihantarkan kepada pihak perempuan itu. Pihak perempuan akan mengambil barang-barang ini. Andaikata helah itu dilakukan oleh pihak perempuan pula mereka terpaksa mengembalikan tanda-tanda pertunangan itu dengan menggandakannya. Jika mereka mengadakan pertunangan, mereka mestilah:

Berani loncor

Berani ganda

Sekiranya tidak berlaku helah di antara kedua-dua pihak apabila telah sampai janji yang dahulu itu, ianya mestilah ditepati. Apakah janji itu? Ianya ialah:

Janji dibuat dimuliakan

Dalam janji digaduhkan

Sampai janji ditepati

Di dalam menyempurnakan janji itu, mereka mestilah:

Gaduh hulu dihului

Gaduh hilir dihiliri

Gaduh tengah dihimpuni

Yang dimaksudkan dengan dihului, dihiliri dan dihimpuni ialah perundingan. Untuk mengadakan adat istiadat perkahwinan itu, mereka mestilah mendapat kerjasama dari semua sanak saudaranya. Oleh itu perundingan di antara kaum kerabat mereka itu diadakan. Semua mereka itu tidak kira dimana sahaja akan dihimpuni untuk mendapatkan muafakat bagi menjalankan kerja kahwin yang mereka hadapi. 'Digaduhi' beerti mengusahakan. Jika diusahakan semua kerja yang harus dikerjakan, pastilah mereka akan dapat menunaikan janji dahulu.

Di dalam perkara semenda menyemenda ini, ada juga perpatih yang menyebutkan mengenai sifat-sifat orang semenda yang harus dicari. Menurut adat perpatih, orang semenda ini semuanya berguna kepada tempat semenda. Masyarakat dahulu, bilangan mereka adalah kecil. Kerana itulah tiap-tiap anggota masyarakat itu tidak dipandang rendah walaupun mereka itu mempunyai peranannya yang tersendiri. Keadaan ini boleh didapati dari perbilangan berikut:

Orang semenda bertempat semenda
Jika cerdik tanam berunding
Jika bodoh disuruh arah
Tinggi banir tempat berlindung
Rimbun daun tempat bernaung
Yang buta menghembus lesung
Yang patah menunggu jemuran
Yang pekak mencucuh meriam
Yang berani dibuat kepala lawan
Yang kaya hendakkan emasnya
Yang alim hendakkan doanya

Perbilangan ini menunjukkan kepada kita mengenai peranan yang harus dilakukan oleh orang semenda. Mereka mempunyai tugas-tugas yang tertentu. Sekiranya ia mempunyai keistimewaan di dalam satu-satu hal, pastilah ia dijadikan tempat bergantung oleh tempat semenda. Andainya ia tidak mempunyai keistimewaan pula, ia akan membuat tugas-tugas yang ia mempunyai kemampuan untuk membuatnya.

Disamping menerangkan kepada kita mengenai tugas-tugas orang semenda, perbilangan itu juga dapat menunjukkan kepada kita akan nilai-nilai hidup yang ada pada pandangan orang-orang dahulu.

Apabila berkahwin, suami mestilah tinggal ditempat isterinya dan selalunya si isteri itu telahpun ada rumahnya sendiri yang disediakan oleh ibu bapanya. Rumah itu semestinya mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap tempat semenda. Ini dapat dilihat dari perbilangan:

Cerdik liar, bingung tengkar

Orang yang mempunyai sifat yang demikian tidak dikehendaki. Ini adalah penting kerana susunan masyarakat Perpatih berdasarkan hidup bersama. Jika seseorang itu cerdik tetapi fikirannya tidak dapat diterima dan jika ia bodoh pula tetapi tidak boleh ditunjuk ajar, pastilah ia tidak boleh hidup di dalam masyarakat yang demikian itu. Bagi masyarakat perpatih perpaduan itu penting kerana mereka hidup dengan berdasarkan suku. Ada terdapat perbilangan yang menunjukkan perpaduan dikalangan mereka itu:

Kok godang samalah godang

Kok kocik samalah kocik

Kok cicir samalah rugi

Kata-kata ini menunjukkan bagaimana rapatnya hubungan sesama mereka. Apa sahaja yang berlaku, sama-samalah mereka menaggungnya. Jika perkara itu baik sama-samalah mereka mendapat untungnya. Sekiranya perkara itu buruk pula, sama-samalah mereka menerima buruknya.

Selain dari sifat di atas, ada juga perkara yang tidak patut diamalkan oleh orang semenda ini. Perkara yang tidak harus diamalkan itu ialah:

Lincu menyakit dahan

Rending harta pinjaman

Rimbun daun tidak berbuah

Olek langsung panggilan dating

Perkara-perkara di atas tidak baik diamalkan. Baris yang pertama itu menerangkan mengenai orang semenda yang tidak mahu berusaha untuk mendapatkan rezekinya. Ia cuma mengharapkan rahmat dari orang sahaja. Bukan sahaja ia membawa kesusahan kepada dirinya sendiri tetapi juga kepada orang lain.

‘Rendang harta pinjaman’ pula mengenai orang semenda yang cuba bersikap sombong dengan kekayaan yang ada padanya tetapi kekayaan itu bukanlah dipunyainya. Kekayaan yang dibanggakannya itu ialah tempat semendanya. Sementara itu rimbun daun tidak berbuah pula diibaratkan kepada orang yang senang hidupnya, tetapi tidak pula mahu memberi pertolongan kepada orang lain. Mesti diingat semula bahawa masyarakat Perpatih berasaskan kepada perpaduan. Mereka tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan prinsip ini, akan merasakan diri mereka terasing dari masyarakat.

‘Oleh langsung panggillah datang’ dimaksudkan kepada mereka yang hanya sanggup bercakap setelah selesai satu-satu perkara itu. Semasa ditanya mengenai pendapatnya apabila hendak memulakan kerja itu dahulu, ia tidak pun memberi sebarang pendapat. Apabila kerja itu sudah dikerjakan, barulah ia memberikan pandangannya. Orang semenda yang mempunyai perangai tersebut di atas, haruslah jangan biasa mengamalkan tabiat di atas.

Perhubungan di antara orang semenda dengan tempat semenda ada juga mempunyai syarat-syarat tertentu. Syarat itu dikenali sebagai pantang larang. Pertamanya saya berikan pantang larang orang semenda:

Satu diberi dua ditarik
Anau sebatang dua singai
Pelesit dua sekampung

‘Satu diberi dua ditarik’ dimaksudkan kepada perbuatan orang semenda yang mengambil seorang isteri lagi ditempat menyemenda. Ia hanya dibenarkan oleh adat untuk beristerikan seorang sahaja tetapi sebaliknya ia mengambil seorang lagi dari tempat semenda itu. Sementara ‘anau sebatang dua singai’ pula dimaksudkan terhadap perbuatannya mengambil perempuan lain yang sama perut dengan isterinya yang sedia ada itu. Di Rembau, pelesit dua sekampung ini dimaksudkan kepada perbuatan sumbang yang dilakukan oleh seorang suami yang melakukan perbuatan bersekedudukan dengan seorang perempuan yang telah bersuami, yang sama pula suku dengan isterinya.¹ Segala perbuatan yang terdapat di atas adalah menjadi pantang larang kepada orang semenda. Jika mereka melakukan perbuatan ini, mereka akan dihukum oleh adat.

Pantang larang ini dikenakan kepada satu pihak sahaja. Tempat semenda juga mempunyai pantang larangnya. Perbilangan yang menerangkan mengenai ini ialah:

Sudah duberi diambil balik

Ujo pegang ekor

Disuruh dopermalami

Dibekalkan tidak dibawa

‘Sudah diberi diambil nali’ ini menerangkan mengenai hak yang ada kepada orang semenda. Mereka mempunyai hak-hak tertentu dan hak mereka ini tidaklah diketepikan. Berdasarkan kepada hak yang ada kepada orang semenda, mereka sepatutnya diajak berunding. Ini tidak pun disebutkan pada awal tadi, semasa membicarakan mengenai sifat-sifat orang semenda yang dicari. Tetapi di dalam satu-satu perundingan jika tempat semenda mengenepikan orang semenda, itulah yang dikatakan sudah diberi diambil balik dan ujo pegang ekor.

¹ Abas haji Ali – Lop Cit – hal: 94

Disuruh dipermalami dan dibekalkan tidak dibawa pula mengenai sikap tidak percaya tempat semenda terhadap orang semenda. Sebelum ini tidak dibincangkan mengenai perbilangan 'disuruh pergi, dipanggil datang'. Berdasarkan pada perbilangan itu, orang semenda ini, seharusnya disuruh arah oleh tempat semenda untuk membuat sesuatu. Sepatutnya mereka akan diberikan pebut kepercayaan untuk membuat atau menyempurnakan tugasnya itu. Tetapi apa yang berlaku ialah pihak tempat semenda telah menyuruh orang lain untuk mengekori orang semenda itu. Mereka tidak dipercayai oleh tempat semenda.

Perbuatan-perbuatan di atas yang dilakukan oleh tempat semenda terhadap orang semenda itu adalah menyalahi dari segi adat.

ii) Perkahwinan sewaris atau satu suku

Perkahwinan satu suku atau sewaris ini dianggap sumbang di dalam Adat Perpatih. Perbuatan sumbang ini ada dua jenis iaitu yang dinamakan 'sumbang sewaris; dan 'sumbang sekadin'. Sumbang sewaris ialah perkahwinan yang dilakukan di dalam satu suku tetapi perut berlainan. 'Sumbang sekadin' iaitu berkahwin di dalam suku sendiri dan di dalam perut yang sama. Kedua-dua perkahwinan ini adalah kesalahan besar dari segi adat. Di antara kedua-dua itu pula, 'sumbang sekadin' lagi besar kesalahannya.

Langkah mengenakan adat tidak boleh berkahwin satu suku ini, bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara suku-suku yang terdapat. Dengan membuat syarat-syarat yang demikian, dapatlah adat dijalankan dengan sempurna. Untuk menentukan bahawa perkahwinan sewaris itu adalah satu kesalahan yang besar, terhadap satu sumpahan terhadapnya.

Ke laut tidak dapat minum
Ke darat ti dak dapat makan
Kaki tiag ke atas
Kepala tiang ke bawah

Sesiapa yang melanggar adat perkahwinan ini, mereka akan menerima sumpahan itu. Ini bermakna mereka tidak akan mendapat kebahagiaan dimana-mana sahaja mereka berada. Mereka tidak lagi mendapat perlindungan dari segi adat. Harta pusakanya akan dirampas. Namun begitu perkahwinan satu suku ini tidak pula melanggar syarat perkahwinan yang ditetapkan oleh agama. Adat melarangnya kerana hendak menjaga sistem sosialnya. Ada terdapat salsilah mengenai perkahwinan demikian ini:

Sah wali batal nikah

Sah nikah batal wali

Jika perkahwinan yang begitu dilakukan juga, mereka akan disingkirkan dari keluarganya. Ini beerti juga mereka akan terkeluar dari Adat Perpatih. Kerana itu, ketua suku berkenaan iaitu Datuk lembaga berhak menarik semula semua pusaka yang ada pihak yang berkenaan. Mereka akan terkeluar dari Adat Perpatih selama 3 tinggang atau keturunan.

Mengikut perbilangannya, mereka yang dipulaukan itu dapatlah dikatakan;

Hidup tidak terpelihara

Mati tidak bertanam

Hidup tidak terpelihara dimaksudkan bahawa mereka tidak lagi mempunyai hubungan dengan adat. Jika sesuatu perkara berlaku atas diri mereka, mereka tidak boleh meminta perlindungan dari adat. Mereka juga tidak berhak menerima apa sahaja keuntungan dari hasil-hasil yang termasuk di dalam lingkungan harta pusaka. Bagi mati tidak tertanam pula ialah penyingkiran mereka dari Adat Perpatih itu tidak akan mendapat pembelaan. Keluarnya mereka itu tidak dianggap satu kerugian. Mereka juga tidak dibayar sebarang ganti rugi apabila dirampas semua pusaka yang ada padanya. Dalam perkataan lain, mereka yang membuat kesalahan demikian ini, dianggap tidak wujud lagi di dalam masyarakat perpatih.

Walaupun begitu, Adat Perpatih ini ada juga kelonggarannya. Ada juga peristiwa dimana mereka yang telah menerima hukuman itu, telah diterima kembali ke dalam Adat Perpatih. Kelonggaran yang demikian terdapat di dalam perbilangan:

Bila sesat dihujung jalam
Balik kepangkal jalan
Sesat pada perbuatan
Surut pada adat

Perbilangan ini menunjukkan bahawa ada adat yang membolehkan mereka untuk rujuk kembali kepada adat. Perbilangan ini bermaksud bahawa tidak seharusnya seseorang itu meneruskan penyeksaan ke atas dirinya setelah ia sedar akan kesalahannya itu. Ia berhak untuk membetulkan kembali segala kesalahannya. Oleh itu, jika ia telah menyedari kesalahannya ia boleh rujuk kembali kepada adat. Ia boleh merayu kembali akan kesalahannya itu dan terpulanglah kepada ketua-ketua adat pula untuk menimbangkannya.

Untuk rujuk kembali, pihak yang berkenaan mestilah patuh kepada hukuman yang dijatuhkan. Mereka selalunya didenda sebanya:

1 ekor kerbau
100 biji kelapa
50 gantang beras

Setelah mereka membayar semua denda ini, barulah mereka diterima kembali ke dalam Adat Perpatih. Perbuatan demikian tidaklah dilakukan dengan sewenang-wenangnyanya. Ia mestilah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu. Syarat yang telah ditetapkan ialah perkara yang demikian itu hanya boleh dilakukan setelah suami meninggal dunia.¹

¹ Abas Haji Ali –Lop Cit – hal:93

Kesalahan yang dilakukan pula hanya kepada ‘sumbang sewaris’ sahaja. Mengenai ‘sumbang sekadin’ hukumannya juga adalah merampas semua harta pusaka dan ada juga peristiwa dimana hukuman bunuh juga telah dijalankan.

iii) Serah Menyerah

Perkahwinan secara ‘serah menyerah’ ini berlaku apabila didapati seorang lelaki telah menaiki rumah perempuan yang dihajatnya dan duduk diserambi rumah itu. Ia tidak mahu turun dari rumah itu sehingga sesuatu keputusan mengikut adat akan tujuannya itu.¹ Perkahwinan secara ini terbahagi kepada dua iatu:

- a) serah muafakat
- b) serah berani

Perkahwinan ini bukanlah satu kebiasaan yang lazim dilakukan. Tidak terdapat pertunangan di dalamnya dan upacara sambutannya yang dipanggil ‘berolek’ itu tidaklah dilakukan secara besar-besaran. Untuk perkahwinan biasa, bagi seseorang anak gadis keramaian itu dibuat mengikut kemampuan mereka. Adakalanya ia dibuat tiga hari tiga malam. Kerja kahwin itu pula dikenali dengan nama-nama yang tertentu:

- i) Kerja Buapak
- ii) Kerja Lembaga
- iii) Kerja Undang

¹ Ibid

Kerja Buapak jika 'berolek' atau kerja kahwin itu boleh selesai di dalam tempoh dua hari dua malam atau mungkin di dalam masa satu hari sahaja. Selalunya untuk jamuannya, mereka hanya menyembelih kambing atau ayam sahaja. Bagi kerja Lembaga pula jika jamuannya terpaksa menyembelih kerbau dan kerja kahwin itu dibuat selama tiga hari tiga malam. Bagi alat Undang pula, jamuan itu besar dan kadangkala sampai lima hari lima malam.

Tetapi bagi mereka yang berkahwin secara serah menyerah ini kerja kahwin mereka itu tidaklah diadakan secara besar-besaran. Ia dibuat secara yang diperlukan sahaja.

a) Serah muafakat

Di dalam serah menyerah ini telah diadakan muafakat terlebih dahulu di antara pihak lelaki dan pihak perempuan. Jika terdapat kata sepakat diantara kedua-dua pihak barulah serah menyerah itu dijalankan. Apabila pihak lelaki dating kerumah pihak perempuan untuk menyerah itu, keluarga perempuan sedia menunggu kedatangannya.

Menurut perbilanganya, jika pihak perempuan telah sedia menunggu itu:

Pelita sudah terpasang

Tikar sudah dibentang

Jika keadaan itu demikian, ini beertilah pihak perempuan telah sedia menunggu. Selain dari keadaan itu, terdapat pula seorang dua orang tua di kampung itu bersama-sama dengan keluarga gadis itu menunggu. Jika terdapat keadaan yang begitu di rumah perempuan, itu bermakna sahlah dari segi adatnya. Serah yang begini tidaklah bersalah dari segi adat.

Walaupun perkara ini senang sahaja nampaknya, tetapi ia ada juga mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Tanpa syarat yang berikut, tidak juga dianggap sah oleh adat dan mereka boleh juga dihukum untuk membayar adat. Perkara yang mustahak untuk perkahwinan secara ini, mereka mestilah mempunyai:

Ada tali pengelak

Ada tangkai penjenjang

Apa yang dikatakan tali pengelak ialah orang dari suku perempuan. Ia mestilah pula telah menjadi orang semenda di tempat suku lelaki yang hendak berkahwin itu. Dia cuba mengelak atau menarik lelaki itu bersemenda di dalam sukunya. Kerana perbuatannya yang cuba menarik orang dari tempat semendanya untuk bersemenda pula di sukunya itu, menyebabkan ia dikenali sebagai tali pengelak. Tangkai penjenjang pula dimaksudkan orang yang dari suku lelaki itu sendiri. Dia mestilah pula menjadi orang semenda kepada pihak perempuan yang hendak dikahwini oleh lelaki tersebut. Kerana usahanya cuba hendak membawa warisnya sendiri pergi menjadi orang semenda itu, maka ia dikenali sebagai tangkai penjenjang.

Supaya berjaya searah muafakat ini, mereka mestilah mematuhi syarat yang ada itu. Dengan berlandaskan perkara-perkara di atas barulah sah searah muafakat dan perbuatan itu tidak dianggap salah kerana sebelum mereka membuat salah, mereka telah bermuafakat dan telah mendapat kata sepakat. Di dalam Adat Perpatih muafakat itu adalah ibu segala adat istiadat.

b) Serah Berani

Serah berani ini bersalahan dari segi adat. Ini disebabkan perbuatan itu dibuat dengan mengikut kehendak hati sahaja. Keadaan ini terdapat apabila seorang pemuda itu berkehendakkan seorang gadis.

Tanpa muafakat terlebih dahulu, ia telah pergi menyerah ke rumah gadis itu. Ia tidak mahu turun dari rumah gadis itu walaupun ia telah disuruh berbuat demikian. Waris bagi pihak perempuan akan membawa turun anak gadis itu dengan membentangkan tikar. Ini sebagai tanda tidak mahu menerima pemuda tersebut. Jika pemuda itu kuat juga dengan tujuannya, ia hendaklah duduk juga diserambi rumah itu, dengan perpelita dimalam hari dan makanannya akan dihantar oleh sekadin pihaknya sendiri.

Perkahwinan dengan cara ini, hanyalah dapat diselesaikan oleh Buapak sahaja dan pemuda itu mestilah patuh kepada adat yang ditentukan oleh pihak perempuan. Adat yang akan dikenakan itu adalah setinggi-tinggi adat kerana menurut perbilangannya:

Orang menyerah tanda kaya

Jadi mereka yang menyerah itu diibaratkan seperti orang kaya. Oleh itu denda yang akan dikenakan ke atasnya tentulah juga tinggi. Disebabkan lelaki itu membuat mengikut kehendak hatinya sahaja, sampailah masanya pihak perempuan pula menghukum mengikut kehendak hati mereka pula, sepertimana kata perbilangannya:

Tegah dek lonjak kopiah pasok

Tegah dek lenggang baju koyak

Tengah dek rentak kaki patah

Kerana mengikut hati sendiri, mestilah sanggup menerima balasannya. Setelah lelaki itu melakukan perbuatan tersebut, tibalah masanya pihak perempuan pula membuat dengan mengikut kehendak hati mereka pula. Kesalahan mengikut kehendak hati ini, serba serbi adatnya mesti digandakan.

iv) Bersalah-salah atau berkurung

Selain dari perkahwinan di atas ada juga perkahwinan yang dikatakan terkurung atau bersalah-salah. Apa yang dikatakan nikah terkurung ini ialah apabila didapati seorang lelaki dengan seorang perempuan di dalam keadaan yang sumbang di dalam sebuah rumah. Dari segi adatnya mereka ini mestilah dinikahkan. Mereka kena tangkap boleh jadi kerana mereka telah diserkap atau ada kemungkinan juga mereka telah merancang keadaanya, mengikut adatnya adalah sama sahaja hukuman yang dijatuhkan.

Bagi mereka yang telah merancang perkara ini, tidaklah menjadi masalah apa-apa, kerana mereka menerima hukuman yang diberikan. Orang yang ditangkap kerana diserkap oleh Waris perempuan, akan menerima hukuman menurut tingkatan kesalahan yang dilakukan.

Di dalam menentukan tingkat kesalahan ini ada terdapat satu perbilangan:

Terkurung mati

Tertanda berhutang

Terkurung mati ditujukan kepada mereka yang ditangkap dan tidak boleh melarikan dirinya lagi. 'Mati' itu bukanlah dimaksudkan yang mereka itu akan dijatuhkan hukuman bunuh. Apa yang dimaksudkan ialah, matinya segala percubaan untuk menyelamatkannya dari hokum nikah itu. Lelaki yang terkurung itu tidak dapat lagi melarikan dirinya dari hukuman nikah.

Terkurung di sini, bukan dimaksudkan kepada terkurung di dalam rumah sahaja. Yang dimaksudkan terkurung ialah terkurung oleh adat. Sekiranya ia lepas turun adri rumah dia diserkap itu

tetapi dapat ditangkap di dalam kawasan kampung mereka itu, ini pun terkurung juga. Selagi ia berlindung di bawah Perpatih, ia tetap terkurung oleh adat tidak kira dimana ia ditangkap. Perlu diingat bahawa tempat yang didiami mereka itu adalah pusakanya, dan pusaka itu adalah adat juga. Oleh itu, sekiranya ia tertangkap di dalam kampung, ini bermakna yang ia terkurung. Menurut perbilangannya, terkurung mati dan tidak dapatlah ia melepaskan dirinya dari dinikahkan.

Tertanda berhutang ialah dimana lelaki itu dapat melepaskan dirinya dari ditangkap. Semasa melarikan diri itu, ia telah tertinggal sesuatu seperti kasut, songkok, parang atau barang-barang lain yang dapat dikaitkan dengan dirinya. Barang-barang yang tercicir itu dipanggil sebagai tanda dan jika terdapat perkara-perkara ini, beertilah ia telah berhutang. Hutang yang dimaksudkan di sini ialah hutang adat. Di dalam perkara berhutang ini, hukumnya belum dapat ditentukan lagi. Walaupun ia terhutang adat tetapi bentuk hutang yang akan dibayar itu bergantung kepada kebijaksanaannya kerana menurut perbilangannya:

Terbalik mata tidak mati

Terbalik lidah mati

Apa yang dimaksudkan di sini ialah walaupun kita tidak berjaya berkehendaki sesuatu yang kita hajati itu, kita boleh juga berusaha untuk mencari yang lain untuk gantinya. Jika sekiranya kita tidak bijak menggunakan kata-kata atau kebolehan kita di dalam perbincangan, kita akan tewas di dalam segala usaha. Begitulah juga di dalam menghadapi masalah yang berkaitan dengan adat. Di dalam menyelesaikan hutang piutang adat, ada satu perbilangan mengenainya:

Berhutang berturut

Bercagak bergadai

Bercincang berpampas

Di dalam menyelesaikan hutang adat ini, Buapak memainkan peranan penting. Pada Buapak inilah kebijaksanaan mengetahui mengenai adat ini penting. Jika telah berlaku kesalahan adat, Buapaklah yang akan diketengahkan.

i) Penceraian Hidup

Jika terdapat penceraian berlaku di bawah penceraian hidup ini sebelum penceraian itu dapat disahkan, mereka mestilah memutuskan beberapa perkara terutamanya mengenai harta terlebih dahulu. Semasa lelaki itu pergi menyemenda dahulu, ia ada yang ditunjukkan berikannya kepada tempat semenda. Perkara yang menunjukkan berikan itu, menurut perbilangannya ialah:

Kampung nan sesudut

Rumah nan tidak bertangga

Atap nan selayar

Lantai nan sebilah

Sawah nan sebidang

Yang dimaksudkan oleh perbilangan ini ialah semasa menikah dahulu, lelaki itu membawa bersama-sama hartanya sendiri. Harta yang dibawa oleh lelaki itu mestilah diserahkan kepada Buapak untuk disaksikan. Untuk menyebutkan semua harta itu apabila hendak memulakan kata agak sukar sedikit atau dikatakan kurang manis didengar. Oleh itu, apabila menyentuh

mengenai harta yang dibawa oleh lelaki itu, digunakanlah perbilangan di atas. Walaupun perbilangan itu umum sahaja bunyinya tetapi dapatlah difahamkan bahawa apa yang dimaksudkan dengannya ialah harta yang ada pada seseorang itu.

Apabila berlaku penceraian hidup, semasa pembahagian harta, menurut adat:

Carian bahagi

Dapatan tinggal

Pembawaan kembali

Berdasarkan kepada perbilangan di ataslah, pembahagian harta dilakukan. Carian bahagi dimaksudkan kepada harta yang dibuat semasa perkongsian hidup mereka. Harta-harta yang didapati itu akan dibahagi bersama. Walaupun begitu pembahagian ini berdasarkan pula kepada beberapa perkara yang tertentu. Sekiranya mereka telah mempunyai anak, harta itu akan diberikan kepada isteri kerana belanja untuk membela anak-anak itu. Menurut adatnya, perempuanlah yang berhak untuk menjaga anak. Selain dari itu ada juga beberapa kekecualian lagi. Harta yang dibuat di atas tanah pusaka seperti rumah dan juga harta yang dibuat khas untuk perempuan seperti barang-barang kemas, diserahkan juga kepada sebelah perempuan. Jadi harta cerai ini mempunyai syarat-syarat yang tertentu juga semasa pembahagiannya.

Harta dapatan pula dimaksudkan kepada harta yang sedia ada pada isteri. Harta ini tetap tinggal pada isteri walaupun terdapat bertambahnya nilai harta isteri itu, umpamanya rumah isteri itu telah diperbesarkan lagi oleh si suaminya, atau di dalam tanah pusaka isteri itu telah ditanam oleh suami pokok buah-buahan. Ini disebabkan harta itu adalah harta dapatan si isteri dari sekadunya.

Harta pembawaan pula dimaksudkan kepada yang dibawa oleh lelaki itu semasa mereka berkahwin dahulu. Harta itulah yang telah diserahkan kepada Buapak sebelah perempuan dahulu. Jika harta ini telah diserahkan kepada Buapak itu, apabila bercerai lelaki itu berhak menuntut kembali semua harta-harta itu.

Walaupun pada adatnya harta-harta itu dibahagikan semula mengikut perbilangan di atas, tetapi ada juga perbilangan yang mengatakan:

Dapatan tinggal

Carian tidak dibahagi

Pembawaan tidak kembali

Sepertimana di atas, harta dapatan tetap juga tinggal pada isteri. Bagi harta carian, di dalam hal ini ia tidak dibahagi. Perkara ini boleh berlaku kerana sebab-sebab yang tertentu. Antara sebabnya ialah harta yang dibuat itu merupakan barang kemas perempuan yang mana diberikan kepada pihak perempuan. Selain dari itu ada kemungkinan pula mereka telah membuat harta seperti membeli tanah semasa perkongsian hidup mereka. Tanah itu akhirnya telah terjual dan wang hasil dari jumlah itu sudah habis dibelanjakan. Dengan ini yang ada hanya nama membuat

harta sahaja tetapi harta itu telah tiada lagi. Sudah pastilah carian itu tidak dapat lagi hendak dibahagikan.

Pembawaan tidak kembali pula dimaksudkan kepada harta yang dibawa-bawanya dahulu dan hartaini tidak boleh diambilnya lagi. Di dalam hal ini beberapa kemungkinan juga boleh berlaku. Mungkin semasa ia berkahwin dahulu ia tidak menyerahkan pembawaannya itu kepada Buapak perempuan. Katakanlah ia ada membawa bersama-sama duit sebanyak RM300 tetapi tidak diserahkan kepada Buapak. Duit yang sebenarnya boleh dimasukkan ke dalam harta pembawaan. Oleh kerana itu ia tidak menyerahkannya kepada Buapak untuk disaksikan, dia tidak boleh menuntutnya kembali apabila terdapatnya berlaku penceraian. Kemungkinan kedua pula duit itu telah diserahkan kepada Buapak itu tetapi tidak digunakan untuk membeli harta. Jika bercerai ia hanya boleh menuntut duit itu kembali sekiranya duit itu telah digunakan untuk membeli sesuatu dan ini pula selepas dijualkan kembali barang tadi.

Setelah ditentukan perkara-perkara ini semuanya, barulah boleh mereka bercerai kerana menurut adatnya penceraian ini barulah sah sekiranya semua yang dituntut, yang dibahagi dan yang ditinggalkan itu sudah disahkan oleh Undang.

ii) Penceraian mati

Memandangkan 'Adat duduk dalam pusaka', apabila seseorang itu kematian isterinya, ia akan dijemput kembali oleh sekadinya, untuk tinggal semula di dalam pusakanya.

Apabila isterinya mati, kerja untuk menyempurnakan maya si isteri itu akan dijalankan. Setelah sampai kepada kenduri ketiga harinya, saudara sekadin pihak lelaki akan datang untuk

menjemputnya kembali. Di dalam hal ini, yang akan dijemput balik itu bukanlah batang tubuh si suami itu tetapi adatnya.

Upacara menjemput balik itu penuh dengan adat istiadatnya seperti kata perbilangn:

Kok sireh bujam berdondan

Apa yang dimaksudkan di sini ialah tempat sireh yang dibawa untuk menjemput kembali adat itu mestilah mempunyai tertib yang tertentu. Tempat sireh yang dipanggil sireh bujam itu mestilah dibalut dengan kain yang tertantu. Jadi persiapan untuk pergi menjemput itu lengkap dengan adat istiadatnya. Bagi pihak yang menunggu iaitu tempat menda lelaki itu mestilah menyediakan pula persiapan-persiapan tertentu seperti:

- i) Membentangkan tabir langit-langit
- ii) Mengeluarkan tempat sireh peminang

Apabila upacara menjemput dimulakan, pihak menjemput yang diwakili oleh Buapak akan memulakan kata-kata yang tertentu semasa memining. (Ini telah dibuat semasa adat istiadat memining). Selepas menyebut kata-kata yang tersebut, ia mula pula memberitahu akan tujuan kedatangan mereka itu. Antara lain Buapak itu akan berkata:

Pertama untuk baik

Kedua untuk jahat

Maka turunlah ribut nan di gunung

Datanglah ombak nan dilaut

Kok malang tidak berbau

Sireh naik junjung patah

Perahu bertambat lucut dari tambangan

Beginilah kata-kata yang digunakan oleh Buapak untuk menyatakan akan untung nasib anak buahnya yang menjadi orang semenda di situ. Ia menyatakan bahawa di dalam hidup ini adakalanya kita menerima untung baik dan adakalanya menerima untung jahat. Pada kali ini nasib mereka kurang baik kerana mereka telah terkena kepada untung yang buruk. Ibarat yang digunakannya itu menunjukkan bahawa anak buahnya itu tidak lagi mempunyai tempat untuk bergantung. Kerana begitu nasib mereka yang diterima oleh anak buahnya, maka saudara sekadin anak buahnya itu datanglah untuk menjemput kembali adat yang telah dihantarkan dahulu, kerana tiap-tiap perkara yang dihantar itu mesti dijemput. Semasa perkahwinan dahulu mereka telah menghantar lelaki itu bersama-sama dengan adatnya iaitu apa yang dikatakan 'sireh bujam' itu dan sekarang tibalah masanya untuk menjemput kembali adat itu. Menurut perbilangan:

Belut balik kelumpur

Pinang balik ketampuk

Sireh balik kegangang

Perbilangannya ini bermaksud satu-satu adat itu mestilah diserahkan kepada mereka yang berhak menerimanya. Dengan ini berhaklah mereka menjemput kembali adat itu.

Di dalam hal ini pihak yang menyerah tidak keberatan pula untuk menyerahkannya kerana menurut perbilangannya:

Kok lucut pendukung

Anak didukung jatuh mati juga

Memang benarlah bahawa tia-tiap yang datang mesti dijemput dan yang balik mesti dihantar. Oleh itu pihak yang menyerahkannya kembali itu mestilah menghantarkan pula adat itu. Apabila telah selesai upacara itu pihak yang menjemput itu pun membawalah balik adat yang dijemput. Anak buah yang dijemput itu akan pergi bersama-sama hingga setakat halaman rumah sahaja dan pihak yang menghantar pula menghantarkannya setakat itu juga. Selepas itu pihak yang menjemput itu dibekalkanlah 'sireh segangang' iaitu apa yang dikatakan tadi bersama-sama dengan sepasang pakaian buat ganti diri orang dijemput itu.

Apa yang dibincangkan ialah jika berlaku kematian ke atas isteri. Sekiranya berlaku kematian ke atas si suami pula, adatnya sama jugalah seperti itu. Saudara sekadin lelaki akan datang mengambil kembali adat yang dihantarkan semasa berkahwin dahulu. Si isteri yang masih hidup itu, akan memulangkan batang tubuh si suami yang telah meninggal itu. 'Batang tubuh' yang dimaksudkan di sini ialah sepersalinan kepunyaan bekas suaminya itu. Adat menjemputnya adalah serupa sahaja kematian isteri di atas.

B) ADAT BERTUKAR SUKU ATAU BERSEKADIN

Menurut Adat Perpatih, tiap-tiap anggota masyarakat mestilah terdiri dari satu-satu suku yang tertentu. Suku itu ditentukan suku ibunya. Jika tidak bersuku, ia dianggap sebagai orang luar. Ada perbilangan yang menunjukkan keadaan orang yang tidak mempunyai suku ini:

Terangau-angau ditebing

Tersesak-sesak dilabuh

Ke atas tidak berpucuk

Ke bawah tidak berurat

Kok perahu tidak ada tambangan

Kok dagang tidak ada tempatan

Begitulah diibaratkan kepada mereka yang tidak bersuku. Mereka diibaratkan seperti orang dagang sahaja. Mereka tidak diterima ke dalam masyarakat Perpatih. Orang yang tidak bersuku ini tidak mempunyai tempat bergantung. Jika mereka pergi merantau, mereka tidak dapat mencari tempat berlindung. Hidup mereka akan terbiar sahaja tanpa mendapat bantuan dari orang lain. Sekiranya mereka mempunyai suku, kemana sahaja tercampak, mereka sudah pasti akan emndapat pertolongan serta perlindungan dari orang lain. Hidup tolong-menolong berdasarkan suku itu dapat dipastikan dari perbilangan:

Jauh cari suku

Dekat cari sekadin

Jauh mencari suku itu dimaksudkan kepada mereka yang pergi merantau jauh dari kampung halamannya. Jika ini berlaku, mereka perlukan tempat untuk berlindung atau bermalam. Untuk emndapatkan

bantuannya, adalah wajar bagi mereka untuk mencari orang yang sama suku dengannya. Menurut Adat Perpatih, mereka yang terdiri dari suku yang sama itu juga mempunyai hubungan talia persaudaraan. Kerana itu mereka mestilah tolong-menolong di antara satu sama lain. Menjadi tanggungjawab kepada mereka untuk menolong saudara mereka yang memerlukan bantuan itu.

Dekat mencari sekadin sama juga dengan yang di atas itu. Sekadin adalah saudara yang paling hampir lagi. Sekiranya mereka pergi merantau dari sekadinnya. Mereka inilah yang lebih bertanggungjawab. Sekiranya tidak terdapat sekadinnya, barulah mereka mencari suku. Sekadin dapatlah dikatakan sistem kekeluargaan yang paling rapat lagi dari suku. Kerana itulah dikatakan jauh mencari suku, dekat mencari sekadin.

Dari kedua-dua perbilangan di atas, nyata betapa pentingnya bagi tiap-tiap anggota itu mempunyai suku. Tidak hairanlah apabila lahir sahaja kanak-kanak itu terus diwarisi oleh ibunya.

Di dalam memilih suku ini, Adat Perpatih ada juga mempunyai sedikit kelonggaran. Sungguhpun telah dinyatakan bahawa seseorang kanak-kanak itu dengan secara automatik mewarisi suku ibunya, ada juga berlaku pertukaran suku atau bersekadin (masuk suku). Peristiwa ini berlaku di dalam beberapa keadaan yang tertentu seperti mengambil anak angkat terutamanya anak perempuan. Jika tidak ditukarkan sukunya kepada suku ibu yang membelanya anak itu tetap juga mengikut suku ibu yang melahirkannya dahulu, sekiranya suku ibu yang membela dan ibu yang melahirkannya dahulu berbeza, beertilah beberapa kesulitan akan berlaku terutama dari segi pusaka. Walaupun anak itu telah dibela oleh ibu angkatnya tetapi ia tetap tidak dapat diterima menjadi anggota ibu angkatnya. Segala keistimewaan yang terdapat di dalam suku itu tidak akan diperolehinya kerana ia tetap dipandang sebagai orang luar. Untuk

mengatasi masalah ini, anak itu mestilah dengan rasminya dimasukkan ke dalam suku ibu angkatnya.

Bersekadin ini tidaklah pula dibuat dengan sewenang-wenangnya. Ia mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Ada terdapat 3 cara bersekadin:

- 1) Bersekadin masuk suku adat pusaka
- 2) Bersekadin bersoko
- 3) Bersekadin adat

Bersekadin masuk suku adat pusaka ini bermakna ia akan masuk suku yang baru itu dan akan hilang suku yang diwarisi dari ibunya itu. Dengan ini beertilah ia akan hilang kuasa untuk mewarisi segala pusaka yang mungkin didapatinya dari suku asal itu. Ia tidak lagi dianggap sebagai anggota dari suku yang baru itu dan ia berhak untuk mendapatkan pusaka dari suku yang menerimanya itu. Sementara sekadin bersoko dan bersekadin adat pula tidaklah beerti ia bertukar suku di dalam ertikata yang sebenarnya. Ia tetap juga mempunyai sukunya yang lama itu dan tidak mengambil suku yang baru. Menurut cerita ini, mereka hanya menumpang sahaja di dalam suku yang lain itu. Kedua-dua sekadin itu tidak biasa dilakukan. Yang selalunya dilakukan ialah bersekadin masuk suku adat pusaka sahaja.

Bertukar suku tidaklah pula dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia mestilah dilakukan dengan penuh istiadat. Bersekadin sering dianggap merugikan sebelah pihak dan menguntungkan sebelah pihak yang lain. Anggapan ini berdasarkan pada keadaan masyarakat dahulu dimana bilangan mereka adalah kecil. Sekiranya mereka kehilangan seorang dari ahli mereka, itu merupakan satu kerugian yang besar. Memandangkan begitu beratnya tanggungjawab sekadin itu kerana

itulah kerja bersekadin ini dilakukan oleh Lembaga sahaja kerana Lembaga ialah ketua suku.

Jika berlaku sekadin ini, kerja itu mestilah dilakukan oleh Lembaga. Di dalam hal ini ada juga perkara-perkara yang tertentu dimana Lembaga tidak dapat datang. Jika perkara itu berlaku, Lembaga tadi berhak juga menghantar wakilnya yang dipanggil 'besar'nya itu. 'Besar' lembaga ini bolehlah menjalankan tugas-tugas Lembaga itu Kuasa 'besar' ini dapatlah diibaratkan :

Berlapik dada pada Lembaga

Ke atas ia boleh mencapai

Ke bawah ia boleh menjolok

Beginilah kuasa yang ada pada 'besar'. Ia boleh menjalankan kuasa yang ada pada Lembaga. Malahan kuasanya tidak setakat itu sahaja kerana jika tidak terdapat Buapak, ia juga boleh mengambil alih kuasa yang ada pada Buapak. Jadi di dalam hal ini, 'besar' itu mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang besar kerana ia boleh naik ke atas menjalankan kerja yang ada pada Lembaga ataupun ia boleh turun ke bawah untuk menjalankan tugas yang ada pada Buapak.

Mengenai kuasa 'besar' atau wakil kepada pembesar-pembesar ini memang ada terdapat di dalam Adat Perpatih. Wakil-wakil itu mempunyai gelaran-gelaran tertentu iaitu

Pelapik dada kepada Lembaga

Kuda pelonjang bagi Undang

Umpan pelayang bagi Raja

Begitulah gelaran ‘besar’ atau wakil-wakil Lembaga, Undang dan Raja. Sekiranya di dalam satu-satu keadaan itu pembesar-pembesar itu tidak dapat datang, ‘besar’ mereka ini berkuasalah untuk memberikan keputusan.

Di dalam upacara bersekadin ini, seperti upacara-upacara lain juga mempunyai kata-kata tertentu yang digunakan untuk memulakan ucapan mereka. Di antara isi yang terdapat di dalam kata-kata atau sebagai yang dikenali Kata Berundang itu ialah:

Duduk di alam beraja

Luak nan berpenghulu

Suku nan 12

Pusaka satu adat datar

Walaupun pusaka satu adatnya datar

Beruang juga bak durian

Bersirih juga bak sipasin

Berlopak bak sawah

Kok kundur menjalar kelabu

Labu pula menjalar kundur

Pokok sama dipupuk

Buah sama dimakan

Duduk sejajar

Jalan seiring

Berdiri sama tinggi

Duduk sama rata

Kok daging sama beratnya

Kok tulang sama putihnya

Kok darah sama merahnya

Beginilah di antara lain kata-kata Berundang yang terdapat semasa menyebut atau menyentuh mengenai orang yang sedang menjalani upacara bersekadin itu. Apa yang terdapat di atas itu hanya merupakan sebagai sebahagian kecil atau isi yang penting untuk menerangkan mengenai masa hadapan orang yang berkenaan itu untuk menokok tambah bunga-bunganya lagi. Apa yang penting hendak dinyatakan ialah isinya.

Maksud yang terdapat di dalam kata-kata berundang itu menerangkan mengenai keadaan anggota yang baru bersekadin itu. Sepertimana yang disebutkan pada awal tadi, satu pihak menganggap bersekadin adalah satu kerugian besar kepada mereka sementara satu pihak pula menganggap ini adalah keuntungan kepada mereka. Mereka ayng kehilangan anggotanya itu, merasakan bahawa mereka seolah-olah berputus langsung hubungannya dengan anggota yang bersekadin itu. Jika tidak dipastikan kata-kata di atas, nyatalah bahawa anggapan mereka itu tidak tepat. Tali persaudaraan dari segi perhubungan darah tetap kekal. Anggota yang berkenaan itu tetap mempunyai hubungan dengan saudara asalnya. Hanya dari segi pusaka sahaja ia tidak mempunyai hubungan dengan suku asalnya. Tetapi perkara ini tidak harus dibimbangkan pula kerana ia tetap akan terpelihara pula di dalam suku barunya itu.

Di dalam kata berundang di atas dapatlah kesimpulan bahawa dimana sahaja mereka berada, mereka adalah tertakluk di bawah adat yang sama. Oleh itu bagaimana keadaan yang terdapat di dalam satu-satu suku itu terdapat juga di dalam suku yang lain. Untuk menguatkan lagi persamaanya itu, diberikannya ibarat-ibarat yang tertentu. Ibarat ini menggambarkan peranan-peranan yang terdapat di dalam satu-satu suku itu. Seperti buah durian yang mempunyai ruang-ruang dan sawah yang berlopak-lopak begitu jugalah keadaan di dalam suku. Bagaimana terdapat di dalam satu suku itu, begitu jugalah keadaannya di dalam suku yang lain.

Mengenai anggota yang dimaksudkan itu, ia bolehlah bebas untuk meminta pertolongan dari kedua-dua pihak. Ia boleh pergi kepada saudara sedarahnya atau kepada saudara sesukunya untuk emndapat bantuan. Kerana itu, tidaklah patut pihak yang memberikan itu memutuskan hubungan mereka dengan anggota berkenaan.

Sepatutnya mereka mestilah bersama-sama dengan pihak yang menerima itu memberikan bimbingan yang sewajarnya dan bersama-sama pula menerima rahmat dari-Nya. Bagi pihak yang menerima pula mereka juga tidak akan membezakan di antara anggota yang baru itu dengan anggota yang telah sedia ada.

Anggota yang baru itu akan diberikan hak yang sama seperti anggota yang lain juga. Di dalam serba hal mereka dianggap sama seperti yang dikatakan mereka duduk sejajar, jalan seiring, berdiri sama tinggi dan duduk sama rata itu. Begitulah keadaan anggota baru bersekadin itu. Walaupun ia adalah asalnya dari suku yang lain, tetapi setelah bersekadin ia akan mendapat segala persamaan dengan anggota-anggota yang lain seperti yang diibaratkan. Dengan ini, bermaknalah bahawa tidak ada pihak yang untung dan tidak ada pihak yang rugi. Pihak yang melepaskannya masih juga mempunyai tali hubungan dengan anggota itu

sementara pihak yang menerima pula tidaklah beruntung kerana mereka terpaksa pula memberikan hak-hak yang tertentu kepada anggota baru itu seperti harta pusaka dan lain-lain lagi.

Untuk menerima anggota baru bersekadin pada sukunya, pihak yang menerima itu mesti mempunyai syarat yang tertentu. Syarat yang mesti dipenuhi itu ialah:

Orang ditarik diiberi harta

Orang disuruh diberi belanja

Orang dikurung diberi makan

Orang memberi memilih sahaja

Syarat-syarat di atas ditentukan kepada keadaan yang disebutkan itu. Sekiranya ada orang yang ditarik, ia mestilah diberi harta. Orang yang ditarik dimaksudkan kepada orang yang ditarik untuk bersekadin ke dalam sukunya. Orang yang disuruh pula dimaksudkan kepada orang disuruh arah untuk membuat sesuatu kerja. Orang yang menyuruh itu mestilah memberi belanja yang berpatutan dengan kerja yang disuruh buat. Orang yang dikurung pula dimaksudkan kepada orang yang terkurung kerana kesalahan. Jika orang itu terkurung adalah menjadi tanggungjawab kepada orang yang mengurung untuk memberi ia makan. Bagi orang diberi pula mereka sentiasa memilih sahaja. Mengikut syarat yang di atas itu, orang yang ditarik mestilah diberi harta. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kepada orang yang menarik untuk memberikan harta kepada yang berkenaan. Dengan ini tidaklah beerti orang yang menerima itu beruntung kerana mereka terpaksa mencarikan harta untuknya dan pastikanlah bertambah kurang lagi bahagian yang didapati oleh anggota lain dalam suku itu.

C) ADAT ISTIADAT BEROLEK (KENDURI)

Di dalam upacara berolek atau kenduri Buapak sangat memainkan peranan penting. Buapaklah yang menguruskan segala-galanya. Yang dikatakan berolek itu ialah kerja nikah kahwin. Selalunya ia dibuat selama satu hari dan satu malam. Adakalanya selama 3 hari dan 3 malam dan ada juga yang membuat selama 7 hari dan 7 malam. Bagi orang biasa yang paling lama mereka adakan ialah selama 3 hari 3 malam sahaja.

Di antara persiapan-persiapan yang mesti diadakan untuk mengerjakan kerja 'berolek' ini ialah membakar badil. Membakar badil ini dikenali sebagai 'pemuras'. Tujuan membakar badil ini ialah untuk memberitahu kedatangan Buapak ataupun Lembaga. Untuk membakar bedil bagi kedatangan atau semasa hendak balik bagi Buapak atau Lembaga itu mestilah pula mengikut susunan yang tertentu. Apabila dibunyikan bedil itu 2 kali itu menandakan Buapak dan jika dibunyikan 4 kali itu menandakan Lembaga

Disebabkan 'berolek' ini adalah kerja Buapak, ia mestilah sentiasa dating untuk menguruskan kerja itu. Kedatangan Buapak ini mustahak kerana ialah yang menjadi tumpuan anak buah. Di dalam kerja 'berolek' ini Buapak dikatakan:

Pergi dahulu

Balik kemudian

Apa yang dimaksudkan dengan perbilangan di atas ialah jika diadakan 'berolek' adalah menjadi tugas kepada Buapak itu untuk mula-mula sampai. Sesuai dengan kedudukannya dari segi adat, Buapak mestilah menyediakan segala yang perlu untuk 'berolek' itu terutamanya keperluan adri segi adat. Buapak akan menjadi ketua untuk membuat persiapan-persiapan dan dia akan menyuruh arah segala anak buahnya untuk menyediakan persiapan.

Balik kemudian dimaksudkan kepada setelah selesainya atau langsungnya kerja 'berolek' itu. Setelah selesai 'berolek' kerja Buapak masih belum selesai lagi. Ia mesti membereskan kerja-kerja membersihkan serta menyelesaikan segala masalah yang berbangkit. Jika berlaku kerosakan terhadap perkakas yang dipinjam, Buapaklah yang akan menyelesaikannya. Tugas Buapak itu hanya selesai sekiranya semua telah dibereskan. Memandangkan tanggungjawabnya sebelum dan setelah 'berolek' itu sebab itulah Buapak dikatakan 'Pergi dahulu, balik kemudian'.

Membakar bedil itu dilakukan pada tiap-tiap kali Buapak datang dan apabila ia balik. Ini tidak kira pada hari berlangsungnya berolek itu ataupun pada hari-hari menyediakan persiapan untuk 'berolek' itu.

Selain dari menjadi tanda kedatangan Buapak, membakar bedil ini memberi implikasi lain juga. Ianya memberi tanda kepada anak buah yang lain bahawa masa untuk mereka berkumpul memberi pertolongan kepada yang berkenaan telah sampai. Dengan berbuat demikian, mereka tidak membuang masa. Perlu diingat bahawa untuk membuat persiapan itu mereka mestilah mendapat kebenaran dahulu dari Buapak. Sekiranya Buapak belum sampai lagi, mereka tidak berani memulakan kerja-kerja tersebut. Apabila telah dibunyikan bedil, tahulah mereka Buapak telah sampai dan mereka pun mulalah pergi berkumpul untuk memulakan kerja yang perlu dibuat.

Pada hari berolek itu jika Lembaga ada dijemput sama Buapak mestilah terlebih dahulu sampai dari Lembaga. Apabila Lembaga pula sampai, bedil mestilah dibunyikan sebanyak 4 kali. Setelah berlangsung 'berolek', Lembaga mestilah balik dahulu dari Buapak dan masa ia hendak balik itu, mestilah juga dibunyikan 4 kali bedil.

Selain dari membakar bedil banyak lagi persiapan yang harus disediakan untuk menyambut Buapak dan Lembaga ini. Antara persiapan-persiapan lain ialah:

- i) Bertilam pandak
- ii) Berhampiran
- iii) Tiang berbalut
- iv) Dihujung halaman berkembang payung
- v) Pangkal halaman berpedang
- vi) Bawah bertangga murual 12 macam

Apabila mereka naik ke atas rumah pula, tempat duduk mereka itu adalah berbeza sedikit. Buapak dan Lembaga akan mengambil tempat mereka itu di bawah sebelah pangkal rumah itu kerana mereka ini dipanggil adat. Bagi mereka yang duduk disebelah hujung rumah dikenali sebagai 'hukum' yang terdiri dari orang-orang yang berkedudukan dari segi agama seperti lebai-lebai dan tok-tok guru akan duduk disebelah hujung serambi rumah. Jadi dari segi Adat Perpatih, adat dan hukum itu mempunyai kedudukan yang tertentu.

BAB IV

KESIMPULAN

Setelah melihat peranan-peranan yang dimainkan oleh kata-kata perbidalan itu, dapatlah kesimpulan bahawa kata-kata tersebut bukan dinilai dari segi maksud yang nampak dilihat sahaja tetapi apa yang ada disebaliknya. Penilaian dibuat bukan dari apa yang tersurat sahaja tetapi juga dari apa yang tersirat. Sepertimana perbilangan 'Biar mati anak jangan mati adat' jika diambil maksud yang tersurat ini bermakna seseorang itu sanggup anaknya mati asalkan terjaga dan terpelihara adatnya. Perkara ini sebenarnya bertentangan sekali dengan Adat Perpatih kerana adat ini tidak sekali-kali menggalakkan pembunuhan. Malah jika terdapat kesalahan membunuh, hukuman yang dijatuhkan mengikut perbilangan ialah:

Siapa membunuh, siapa mengganti

Mereka yang didapati melakukan kesalahan ini tidak dihukum bunuh tetapi dikehendaki mengganti pihak yang malang itu dengan menyerahkan salah seorang dari sekadinya kepada mereka. Anak buah diserahkan itu akan mengambil suku pihak yang menerimanya dan perbuatan bersekadin ini tidaklah merugikan mana-mana pihak pun seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab III.

Nyata di sini bahawa 'biar mati anak' itu hanya merupakan satu ibarat sahaja. Ia menunjukkan pegangan yang kuat terhadap adat.

Untuk memandang lebih jauh lagi, perbilangan itu boleh dipandang dari beberapa aspek:

i) Sebagai faktor Sejarah

Berdasarkan dari perbilangan yang ada, dapat kita jadikan ia sebagai bahan untuk kajian sejarah. Disamping itu pula kita juga dapat memandang bagaimanakah pandangan masyarakat dahulu terhadap sejarah.

Masyarakat dahulu cuba juga hendak meninggalkan sejarah kepada masyarakat terkemudiannya. Hanya cara pandangan mereka terhadap sejarah itu sahaja yang berlainan. Bagi mereka adat itu merupakan pegangan hidup mereka. Oleh itu mereka cuba hendak menerangkan sejarah adat itu kepada orang yang terkemudian. Yang berlainan hanya cara menentukan tarikhnya sahaja. Bagi mereka tidak memberatkan masa. Mereka memberi sejarah mereka melalui perbilangan dengan memberatkan kepada kiasan dan ibarat sahaja. Ini dapat dilihat dari Bab I. Di dalam bab itu diterangkan bagaimana munculnya beberapa adat di Alam Melayu ini. Setelah itu diterangkan pula bagaimana munculnya Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Walaupun tidak dinyatakan bilakah bermulanya Adat Perpatih itu, tetapi beberapa fakta tertentu boleh didapati dari perbilangan ini. Antaranya dapat dibuktikan bahawa Rembaulah yang menajadi tempat pertapakan Adat Perpatih. Selain dari itu dapat pula diketahui akan penyebarannya di seluruh Negeri Sembilan dan bagaimana puncanya terdapat Undang di Negeri Sembilan.

Semua perkara-perkara ini dapat diketahui dari perbilangan. Walaupun perbilangan ini tidak dapat memberi dengan tegasnya fakta-fakta serta bukti-bukti sejarah yang diperlukan, tetapi ia boleh dijadikan sebagai bahan untuk kajian sejarah.

ii) Hubungan Adat dengan Agama

Menerusi perbilangan juga dapat dipastikan tentang pandangan Agama masyarakat Perpatih. Perbilangan:

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Kitabullah

Dapat dijadikan sebagai bukti bahawa tertegaknya adat itu dengan berasaskan agama. Nyata di sini bahawa agama dan adat itu adalah mempunyai hubungan yang rapat. Tanpa berasaskan agama sesuatu adat itu tidak dapat diakui kerana iktifar dari pihak ulama itu sangat penting. Apabila dikaji dengan mendalam dapatlah kita satu kesimpulan bahawa agama memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih.

iii) Bahasa

Dari segi bahasa, perbilangan ini banyak menggunakan perbandingan dan peribahasa. Penggunaan peribahasa dan perbandingan ini menunjukkan ketinggian kesenian serta daya pemikiran orang-orang yang menciptanya.

Selain dari itu pada masyarakat dahulu, mereka lebih senang memahami maksud serta tujuan perbilangan. Ia dapat menyampaikan sesuatu tujuan itu dengan senang dan tepat serta mudah pula difahami.

Di dalam sebutan perbilangan itu, mereka banyak menggunakan kata-kata daerah. Kata-kata itu jika diubahsuaikan dengan menggunakan kata-kata melayu Standard akan terdapat kejanggalan bunyi perbilangan itu. Ini disebabkan perbilangan itu disebut dengan irama yang tertentu. Dari segi struktur ayatnya juga memainkan peranan di dalam menentukan irama yang terdapat pada perbilangan itu. Jika struktur ayat itu diubah

mengikut struktur ayat yang sebenarnya, keadaan perbilangan itu akan terdapat kejanggalan juga.

Perbilangan, selain dari mempunyai tujuan yang khas, ia juga mempunyai susunan irama yang tertentu. Sekiranya satu-satu rangkap perbilangan itu dicuba susunan dengan ayat yang sempurna, pasti hilang irama yang mengiringinya. Dengan ini akan hilang juga seni yang ada pada perbilangan tersebut. Dibawah ini diturunkan contoh yang boleh dilihat:

Berhutang berturut

Bercagar bergadai

Bercincang berpampah

Selain dari struktur ayat yang tidak lengkap, ia juga menunjukkan irama yang tertentu. Irama ini terdiri dari bilangan sukukata serta intonasi semasa yang ditekankan pada sukukata-sukukata yang tertentu. Dengan itu melalui perbilangan bukan sahaja dapat melihat bahasa yang mereka gunakan, malahan dapat juga melihat seni yang ada pada kata-kata perbilangan itu.

Semasa mengkaji dari segi bahasanya, dapat juga dilihat penggunaan terhadap kependekan perkataan. Antara perkataan-perkataan yang mana kependekannya digunakan ialah 'nan', 'dek', 'ta', 'bak', 'kok' dan lain-lain lagi.

Dari segi bahasanya dapatlah dikatakan bahawa tujuan penggunaan perbilangan ialah untuk menyampaikan sesuatu itu dengan cara yang paling cepat serta singkat dan setepat yang boleh. Kerana itu mereka menggunakan struktur ayat yang singkat.

Walaupun begitu mereka tidak pula lupa menyesuaikan dan memasukkan kesenian dan ini telah dilakukan dengan menggunakan kata-

kata serta ibarat yang berbunga-bunga. Penggunaan terhadap kata-kata demikian itu banyak terdapat di dalam kata-kata berundang. Pasti diingat kembali bahawa kata-kata berundang itu adalah bertujuan sebagai satu permainan sahaja iaitu untuk emulakan percakapan dan sebelum membincangkan sesuatu tujuan itu dengan mendalam. Disebabkan kata-kata berundang ini ebagai hendak memulakan percakapan sahaja dan bukannya menjadi asas atau pun bukan bertugas sebagai perlembagaan atau undang-undang di dalam Adat Perpatih tidak hairanlah ia disebut dengan berbunga-bunga.

iv) Sebagai menjamin keteguhan adat.

Perbilangan juga bertugas sebagai menjamin keteguhan adat kerana ia merupakan sebagai perlembagaan bagi adat. Ia bukan sahaja menjadi garis panduan bagi menunjukkan maksud tetapi juga menentukan kehendak adat. Selain dari ini ada juga terdapat perbilangan yang menunjukkan sumpahan terhadap pantang larang adat. Dengan ini perbilangan telah dapat memperteguhkan lagi kedudukan adat.

v) Mengenai sistem kemasyarakatan

Kesan yang paling ketara yang dapat kita lihat dari perbilangan ialah peranan yang ditunjukkannya terhadap kehidupan masyarakat. Perbilangan itu ada di antaranya yang menentukan mengenai susunan masyarakat. Ia menentukan apakah peranan tiap-tiap individu itu di dalam masyarakatnya. Di dalam hal ini semenda menyemenda umpamanya, ada terdapat perbilangan yang menentukan sifat orang semenda yang dicari itu. Di sini dapat kita lihat bagaimana sifatnya, mempunyai tempat di dalam Adat Perpatih.

Selain dari itu, mereka juga mempunyai hak untuk menentukan cara pentadbiran pemerintah mereka. Sepertimana yang telah kita lihat, mereka boleh melantik pembesar mereka sendiri. Seseorang pembesar itu bukan naik menjadi pembesar kerana keturunan tetapi adalah disebabkan oleh persetujuan anak buahnya. Di sini menunjukkan betapa pentingnya anak buah di dalam Adat Perpatih.

Disamping menampakkan kepada kita mengenai hubungan antara satu sama lain, perbilangan inilah yang menjadi sebagai garis yang menentukan apa yang harus dilakukan oleh masyarakat Perpatih.

Setelah memandang dari beberapa aspek yang tertentu di atas, dapatlah kita satu kesimpulan bahawa perbilangan itu memainkan satu peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih. Ia merupakan sebagai Perlembagaan, undang-undang dan garis panduan hidup bagi masyarakat Perpatih.